



## GARIS PANDUAN KPR3028 • Februari 2021

# Pengkaedahan Alternatif Latihan Mengajar Akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) / PKP Bersyarat / PKP Diperketatkan

Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### Matlamat Latihan Mengajar

Latihan mengajar (LM) adalah untuk menyediakan peluang kepada Guru Pelatih mengalami dan mengaplikasikan ilmu pendidikan dalam konteks sebenar di institusi pendidikan.

### 1. Pelaksanaan Pengkaedahan Alternatif Latihan Mengajar

1.1 Pelaksanaan garis panduan ini adalah selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) / PKP Bersyarat (PKPB) / PKP Diperketatkan (PKPD) dalam situasi akibat pandemik Covid-19 dan terpakai bagi pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah mendaftar kursus KPR3028 dan menjalani LM1 / LM2 bermula Februari 2021 bagi sesi pengajian A202 seperti di **Jadual 1**. Walau bagaimanapun, bagi pelajar-pelajar lain dari kohort yang keciciran, pelajar perlu memenuhi keperluan struktur program (berdasarkan Buku Panduan Akademik Fakulti Pembangunan Manusia) sebelum menjalani LM1 atau LM2 dan mendapatkan kelulusan daripada pihak fakulti masing-masing.

**Jadual 1:** Kohort yang Terlibat dengan Pelaksanaan Pengkaedahan Alternatif Latihan Mengajar Akibat PKP / PKPB / PKPD

| Pelajar dari Kohort             | Semester | LM  | Daftar Kursus dalam Sesi Pengajian | Tarikh Pelaksanaan LM                       |
|---------------------------------|----------|-----|------------------------------------|---------------------------------------------|
| A171 (Normal)                   | Sem. 8   | LM1 | A202                               | 21/22 Feb. – 22/23 April 2021<br>(8 Minggu) |
| A171 dan A172 (Credit Transfer) | Sem. 8   | LM2 |                                    |                                             |

1.2 Pada tarikh 13 hingga 26 Januari 2021 (2 minggu), pihak Kerajaan telah melaksanakan semula PKP, PKPB, dan PKPD terhadap negeri-negeri tertentu di seluruh Malaysia. Malah terdapat perlanjutan PKP terhadap kebanyakan negeri sehingga 4 Februari 2021. Ini telah mengakibatkan terdapat beberapa organisasi termasuk institut pengajian tinggi, sekolah-sekolah atau institusi pendidikan telah diarahkan untuk tidak beroperasi bagi membendung wabak Covid-19 yang semakin menular dalam kalangan rakyat Malaysia.

1.3 Dalam situasi sebegini, secara spesifiknya PdP pelajar dalam tempoh sebagai 'Guru Pelatih' serta penyeliaan oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing dijangka terjejas. Malah, jika PKP / PKPB tersebut berlanjutan atau terdapat lokaliti yang dilaksanakan PKPD, pelaksanaan Latihan Mengajar (LM) pelajar-pelajar yang dijadualkan dijangka akan turut terjejas dan seterusnya pelajar-pelajar tidak akan dapat bergraduat pada masa yang dirancang (*Graduate on Time*).

1.4 Dengan turut mengambil kira Guru Pelatih yang sedang menjalani LM1 dan akan terus menyambung LM2 bermula 26 April 2021, maka garis panduan ini perlu dilaksanakan **SEGERA** dan efektif bermula **21 Februari 2021** bagi semua pelajar dari kohort yang berkaitan (rujuk **Jadual 1**). Walau bagaimanapun, bagi Guru-guru Pelatih yang berpeluang untuk menjalani keseluruhan LM secara fizikal dan bersemuka (normal) di lokaliti-lokaliti yang tidak terkesan dengan PKP / PKPB / PKPD, garis panduan ini adalah **tidak berkaitan**. Dalam masa yang sama, pelaksanaan garis panduan ini akan tertakluk kepada perubahan berdasarkan situasi semasa berkaitan pandemik Covid-19, arahan semasa daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan pihak Pengurusan Atasan UPSI.

## 2. Pentaksiran bagi Pengkaedahan Alternatif LM

### 2.1 Penyediaan RPH dan Video PdP / PdPR

Mengambil inisiatif bagi membantu pelajar-pelajar yang berkemungkinan tidak dapat meneruskan LM akibat PKP / PKPB / PKPD dan seterusnya tidak dapat bergraduat pada masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*), maka dicadangkan agar setiap minggu yang pelajar terlepas menjalani LM secara fizikal digantikan dengan penghasilan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berserta dengan video rakaman PdP atau PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) dalam talian.

Sebagai rujukan, berikut (**Jadual 2**) adalah panduan bagi penyediaan RPH dan video PdP / PdPR dalam Pengkaedahan Alternatif LM yang perlu dijalankan bermula **21 Februari 2021** terhadap pelajar yang belum atau telah memulakan LM bermula **21 Februari 2021** (dengan syarat pelajar telah mendaftar kursus). Bilangan RPH dan video PdP / PdPR adalah bergantung kepada bilangan minggu yang Guru Pelatih tidak dapat menjalani LM di sekolah / institusi pendidikan secara fizikal.

**Jadual 2: Panduan Penyediaan RPH dan Video PdP**

| Minggu | Tarikh LM            | RPH (Bilangan)    | Video PdP / PdPR (Bilangan) |
|--------|----------------------|-------------------|-----------------------------|
| 1      | 21 – 27 Feb. 2021    | 1                 | 1                           |
| 2      | 28 Feb. – 6 Mac 2021 | 1                 | 1                           |
| 3      | 7 – 13 Mac 2021      | 1                 | 1                           |
| 4      | 14 – 20 Mac 2021     | 1                 | 1                           |
| 5      | 21 – 27 Mac 2021     | 1                 | 1                           |
| -      | 28 Mac – 4 Apr. 2021 | Cuti Persekolahan |                             |
| 6      | 5 – 10 Apr. 2021     | 1                 | 1                           |
| 7      | 11 – 17 Apr. 2021    | 1                 | 1                           |
| 8      | 18 – 23 Apr. 2021    | 1                 | 1                           |
| Jumlah |                      | 8                 | 8                           |

### 2.1.1 RPH

RPH yang dihasilkan bagi tujuan pentaksiran dalam pengkaedahan alternatif LM perlu merangkumi tempoh dwi-masa (*double period*) PdP dan bersamaan dengan tempoh PdP yang sebenar. Guru Pelatih perlu merujuk kepada jadual PdP jika telah dibekalkan oleh Guru Pembimbing (jika telah mula LM) atau rujuk kepada Pensyarah Penyelia jika belum dibekalkan dengan jadual PdP (jika belum mula LM). Dalam Guru Pelatih belum memulakan LM di sekolah atau di institusi pendidikan, format RPH dan pemilihan topik-topik PdP adalah berdasarkan daripada cadangan Pensyarah Penyelia.

### 2.1.2 Video PdP

Penghasilan video PdP perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut;

- i. Dicapai Guru Pelatih menghasilkan video PdP dengan merakam sesi PdPR secara dalam talian (jika dibenarkan meneruskan PdPR oleh pihak sekolah) atau menghasilkan rakaman video PdP (**secara simulasi**) dengan dihadiri oleh beberapa orang 'pelajar' dari kalangan rakan atau ahli keluarga atau sesiapa juga yang sesuai.
- ii. Tempoh video PdP / PdPR tersebut adalah perlu selari dengan RPH dengan PdP dwi-masa (*double period*) dengan merangkumi Guru Pelatih dan pelajar yang hadir semasa sesi PdP tersebut.
- iii. Semua video PdP (selain PdPR) perlu merangkumi 360° kawasan dalam 'kelas' semasa PdP berlangsung.
- iv. Semua video PdP / PdPR akan dinilai oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing.
- v. **Alternatif lain yang boleh dipertimbangkan oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing selain rakaman video** PdP atau rakaman video PdPR dalam talian adalah dengan menyertai PdPR dalam talian Guru Pelatih **secara synchronous** dengan menggunakan pelbagai medium atau platform seperti *Google Meet, Google Classroom, Webex, Zoom, WhatsApp, Telegram*, kompilasi fail, atau lain-lain yang difikirkan sesuai. Dalam keadaan ini, Guru Pelatih **tidak perlu mengemukakan video rakaman**.

## 2.2 Permarkahan

Permarkahan dalam pentaksiran alternatif LM masih mengguna pakai format pemberatan markah seperti permarkahan LM yang asal serta selari dengan sistem MySIS (**Jadual 3**). Pengkaedahan ini tidak akan menimbulkan sebarang percanggahan dengan sistem MySIS dan juga selari dengan kesemua borang-borang permarkahan LM yang sedia ada.

**Jadual 3: Panduan Permarkahan bagi Pentaksiran Alternatif LM**

| Pentaksiran Asal LM |                | Pentaksiran Alternatif LM                                                                                                                                                        |                | Pemberat/<br>Markah<br>(%) |
|---------------------|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------------------------|
| Perkara             | Tanggung Jawab | Perkara                                                                                                                                                                          | Tanggung Jawab |                            |
| Persediaan          | PP & GP        | RPH                                                                                                                                                                              | PP             | 25                         |
| Perkembangan        | PP & GP        | Video atau apa sahaja bentuk interaksi secara dalam talian ( <i>Google Meet, Google Classroom, Webex, Zoom, WhatsApp, Telegram</i> , kompilasi fail, atau lain-lain yang sesuai) | PP             | 60                         |

| Pentaksiran Asal LM        |                | Pentaksiran Alternatif LM                                                                                                                                                                                       |                | Pemberat/<br>Markah (%) |
|----------------------------|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-------------------------|
| Perkara                    | Tanggung Jawab | Perkara                                                                                                                                                                                                         | Tanggung Jawab |                         |
| Sikap dan Sahsia           | PP & GP        | Sikap dan Sahsia (dinilai semasa menjalankan PdPR, interaksi secara dalam talian, perbualan atau penulisan dalam apa sahaja medium / aplikasi yang digunakan)                                                   | PP             | 10                      |
| Rekod Aktiviti Kokurikulum | GP             | Laporan Perancangan Aktiviti KoKurikulum (aktiviti yang disusun dan ditentukan oleh pihak sekolah / institusi pendidikan bagi menggantikan aktiviti KoKurikulum secara bersemuka yang tidak dapat dilaksanakan) | PP             | 5                       |
| Jumlah                     |                |                                                                                                                                                                                                                 |                | 100                     |

\*PP = Pensyarah Penyelia; GP = Guru Pembimbing

\*\*Rujuk Rubrik Permarkahan seperti di **Lampiran A**

### 2.2.1 Permarkahan Komponen RPH

Permarkahan komponen RPH adalah bernilai 25 peratus dengan merujuk kepada **Rubrik Pentaksiran (Bahagian A)** seperti yang dilampirkan. Cara pengiraan untuk memberikan markah bagi komponen RPH adalah dengan mengambil kira purata markah daripada RPH-RPH yang dikemukakan oleh Guru Pelatih kepada Pensyarah Penyelia. Jika terdapat juga permarkahan biasa oleh Guru Pembimbing / Pensyarah Penyelia (kerana Guru Pelatih telah memulakan LM) daripada Bahagian A, maka markah tersebut juga perlu diambil kira bersama markah pentaksiran alternatif untuk mendapatkan markah purata Bahagian A secara keseluruhan.

### 2.2.2 Permarkahan Komponen Video PdP / PdPR

Permarkahan komponen Rakaman Video PdP / PdPR dalam talian atau mana-mana interaksi secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet, Google Classroom, Webex, Zoom, WhatsApp, Telegram*, kompilasi fail, atau lain-lain yang sesuai) adalah bernilai 60 peratus dengan merujuk kepada **Rubrik Pentaksiran (Bahagian B)** seperti yang dilampirkan. Cara pengiraan untuk memberikan markah bagi komponen ini adalah dengan mengambil kira purata markah daripada rakaman video-video PdP / PdPR dalam talian atau alternatif lain yang dinyatakan. Jika terdapat juga permarkahan kaedah biasa oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing (kerana Guru Pelatih telah dapat memulakan LM secara fizikal) daripada Bahagian B, maka markah tersebut juga perlu diambil kira bersama markah pentaksiran alternatif untuk mendapatkan markah purata Bahagian B secara keseluruhan.

### 2.2.3 Permarkahan Komponen Sikap dan Sahsia

Permarkahan komponen Sikap dan Sahsia (bernilai 10 peratus) adalah dinilai semasa Guru Pelatih menjalankan PdPR, interaksi secara dalam talian, perbualan, atau penulisan dalam apa sahaja medium / aplikasi yang digunakan dengan merujuk kepada **Rubrik Pentaksiran (Bahagian C)** seperti yang dilampirkan. Jika terdapat juga permarkahan biasa oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing (kerana Guru Pelatih telah dapat memulakan LM secara fizikal) daripada Bahagian C, maka Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing ada pilihan untuk sama ada hanya menggunakan markah tersebut atau mengambil kira bersama markah pentaksiran alternatif untuk mendapatkan markah purata Bahagian C secara keseluruhan.

## 2.2.4 Permarkahan Komponen Laporan Perancangan Aktiviti Kokurikulum

Permarkahan komponen Laporan Perancangan Aktiviti KoKurikulum (bernilai 5 peratus) adalah berdasarkan aktiviti yang disusun dan ditentukan oleh pihak sekolah / institusi pendidikan bagi menggantikan aktiviti KoKurikulum secara bersemuka yang tidak dapat dilaksanakan. Contohnya adalah seperti ceramah motivasi, lain-lain ceramah, kelas tambahan, kelas gantian, atau apa-apa projek yang sesuai dengan merujuk kepada **Rubrik Pentaksiran (Bahagian D)** seperti yang dilampirkan.

Format penghasilan laporan perlu merujuk kepada Format Penulisan Disertasi UPSI atau bergantung kepada cadangan oleh Pensyarah Penyelia dengan bilangan halaman tidak melebihi 20 muka surat. Jika terdapat juga permarkahan biasa oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing (kerana Guru Pelatih telah dapat memulakan LM secara fizikal) daripada Bahagian D, maka Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing ada pilihan untuk sama ada hanya menggunakan markah tersebut atau mengambil kira bersama markah pentaksiran alternatif untuk mendapatkan markah purata Bahagian D secara keseluruhan.

## 3. Kaedah Penyeliaan

Kaedah penyeliaan oleh **Pensyarah Penyelia** dan **Guru Pembimbing** terhadap semua Guru Pelatih yang terlibat adalah **secara dalam talian** menggunakan mana-mana aplikasi atau platform yang difikirkan sesuai dengan Guru Pelatih di sekolah / instusi pendidikan yang terkesan dengan PKP / PKPB / PKPD. Panduan perancangan dengan kaedah ini adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4: Panduan Perancangan Penyeliaan Secara Dalam Talian**

| LM                      | Aktiviti                                                                     | Tempoh                | Peranan |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|---------|
| LM1 / Fasa 1 (8 Minggu) | 'Lawatan Sosial'                                                             | Minggu 1              | PP & GP |
|                         | Perbincangan dengan Guru Pelatih                                             | Minggu 2 - 4          | PP      |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 2 - 4          | GP      |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 4 – 6 (1 kali) | PP & GP |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 7 – 8          | GP      |
|                         | Pensyarah Penyelia <i>key-in</i> markah ke dalam MySIS                       | Minggu 8              | PP      |
| LM2 / Fasa 2 (8 Minggu) | 'Lawatan Sosial'                                                             | Minggu 1              | PP & GP |
|                         | Perbincangan dengan Guru Pelatih                                             | Minggu 2 - 4          | PP      |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 2 - 4          | GP      |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 4 – 6 (1 kali) | PP & GP |
|                         | Bimbingan dan Pentaksiran secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> | Minggu 7 – 8          | GP      |
|                         | Pensyarah Penyelia <i>key-in</i> markah ke dalam MySIS                       | Minggu 8              | PP      |

\*PP = Pensyarah Penyelia; GP = Guru Pembimbing



Semua penyeliaan dan pentaksiran secara dalam talian sama ada secara **synchronous** atau **asynchronous** dengan menggunakan mana-mana medium / platform / aplikasi yang sesuai perlu dijalankan oleh Pensyarah Penyelia dan Guru Pembimbing **bermula 21 Februari 2021** bagi memastikan semua Guru Pelatih yang berkaitan dapat menyelesaikan LM pada **22/23 April 2021**.

#### **4. Prosedur Pentaksiran dalam Pengkaedahan Alternatif LM**

Selain daripada Guru Pelatih di negeri-negeri yang dapat meneruskan LM bermula 21/22 Februari 2021 secara bersemuka, terdapat juga Guru-guru Pelatih yang terkesan akibat PKP / PKPB / PKPD dengan beberapa situasi iaitu;

- i. Dapat kebenaran pihak sekolah untuk meneruskan LM secara PdPR,
- ii. Mematuhi PKP / PKPB / PKPD (di rumah) dan akan menghabiskan baki LM setelah tamat PKP / PKPB / PKPD,
- iii. Mematuhi PKP / PKPB / PKPD (di rumah) tetapi tidak pasti dibenarkan menyambung LM, dan
- iv. Belum dapat memulakan LM.


Berdasarkan empat keadaan yang telah dinyatakan, berikut adalah cadangan prosedur pentaksiran terhadap setiap situasi tersebut bagi Pengkaedahan Alternatif LM. Walau bagaimanapun, pelajar perlu menghubungi Guru Pembimbing atau pihak sekolah (**melaporkan diri secara dalam talian**) di penempatan LM yang diluluskan oleh pihak Pulami serta berbincang tentang pelaksanaan LM dengan Pensyarah Penyelia. Digalakkan agar pelajar **menghubungi pihak sekolah selewat-lewatnya satu minggu lebih awal** sebelum tarikh mula LM.

##### **4.1 Dapat kebenaran pihak sekolah untuk meneruskan LM secara dalam talian (PdPR)**

Pentaksiran adalah seperti asal di mana Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia memberikan markah berdasarkan rubrik pentaksiran LM yang asal semasa Guru Pelatih menjalani LM secara fizikal dan secara dalam talian. Bagi tujuan penyeliaan dan pentaksiran oleh Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing, Guru Pelatih perlu menjemput Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing untuk turut serta (kongsikan pautan) dalam aktiviti PdPR yang dijalankan secara dalam talian.

Dalam situasi Guru Pelatih dibenarkan meneruskan LM secara PdPR atau menyambung LM secara fizikal, maka Guru Pelatih yang telah mendaftar kursus LM bagi sesi pengajian A202 hanya perlu meneruskan atau menyambung LM tersebut sehingga pada **22/23 April 2021** sahaja.

Walaupun bagaimanapun jika pada **21/22 Februari 2021**, Guru Pelatih tidak pasti atau tidak lagi dibenarkan untuk menyambung PdP secara fizikal atau PdPR, maka Guru Pelatih tetap perlu meneruskan LM sehingga **22/23 April 2021** dengan menyediakan RPH dan video PdP berdasarkan bilangan minggu LM yang Guru Pelatih terkesan akibat PKP / PKPB / PKPD (rujuk para. **2.1**) berserta Laporan Perancangan Guru Pelatih dalam Aktiviti Kokurikulum (rujuk para. **2.2.4**)



Pada situasi di mana Guru Pelatih telah menjalankan sebahagian LM secara fizikal atau dalam talian dan sebahagiannya tidak dibenarkan menyambung LM akibat PKP / PKPB / PKPD, maka markah purata bagi pentaksiran secara asal dan secara alternatif perlu diambil kira untuk mendapatkan markah purata (rujuk para. **2.2**).

#### **4.2 Mematuhi PKP (di rumah) dan menghabiskan baki LM setelah tamat PKPB/ PKPD**

Pentaksiran adalah seperti asal di mana Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia memberikan markah berdasarkan rubrik pentaksiran LM yang asal semasa Guru Pelatih menjalani LM secara fizikal. Jika Guru Pelatih dibenarkan menyambung LM secara fizikal atau secara PdPR bermula **21/22 Februari 2021**, maka Guru Pelatih yang telah mendaftar kursus LM bagi sesi pengajian A202 hanya perlu menyambung LM tersebut sehingga pada **22/23 April 2021** sahaja. Dalam masa yang sama, menyediakan RPH dan video PdP / PdPR mengikut bilangan minggu PdP yang terjejas secara fizikal atau dalam talian (rujuk para. **2.1**) berserta Laporan Perancangan Guru Pelatih dalam Aktiviti Kokurikulum (rujuk para. **2.2.4**)

Pada situasi di mana Guru Pelatih telah menjalankan sebahagian LM secara fizikal atau dalam talian dan sebahagiannya tidak dibenarkan menyambung LM akibat PKP / PKPB / PKPD, maka markah purata bagi pentaksiran secara asal dan secara alternatif perlu diambil kira untuk mendapatkan markah purata (rujuk para. **2.2**).

#### **4.3 Mematuhi PKPB/ PKPD (di rumah) tetapi tidak pasti dibenarkan menyambung LM**

Pentaksiran adalah seperti asal di mana Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia memberikan markah berdasarkan rubrik pentaksiran LM yang asal semasa Guru Pelatih menjalani LM secara fizikal. Jika Guru Pelatih tidak pasti untuk dibenarkan bagi menyambung PdP secara fizikal atau PdPR, maka Guru Pelatih yang telah mendaftar kursus LM bagi sesi pengajian A202 tetap perlu meneruskan LM sehingga **22/23 April 2021** dengan menyediakan RPH dan video PdP / PdPR berdasarkan bilangan minggu LM yang Guru Pelatih terkesan akibat PKP / PKPB / PKPD (rujuk para. **2.1**) berserta Laporan Perancangan Guru Pelatih dalam Aktiviti Kokurikulum (rujuk para. **2.2.4**)

Pada situasi di mana Guru Pelatih telah menjalankan sebahagian LM secara fizikal atau dalam talian dan sebahagiannya tidak dibenarkan menyambung LM akibat PKP / PKPB / PKPD, maka markah purata bagi pentaksiran secara asal dan secara alternatif perlu diambil kira untuk mendapatkan markah purata (rujuk para. **2.2**).

#### **4.4 Belum dapat memulakan LM**

Bagi kes Guru Pelatih yang telah mendaftar kursus untuk menjalani LM dalam sesi pengajian A202, telah (atau belum) mendapat pengesahan penempatan yang dipohon, dan belum dapat memulakan LM akibat PKP / PKPB / PKPD, maka pentaksiran secara keseluruhannya adalah berdasarkan pengkaedahan alternatif LM. Walau pun Guru Pelatih tidak pasti untuk mendapat kebenaran bagi memulakan LM secara fizikal, **bermula pada 21/22 Februari 2021** Guru Pelatih yang berkenaan tetap perlu meneruskan LM yang telah dijadualkan sehingga **22/23 April 2021** dengan menyediakan RPH dan video PdP atau apa sahaja bentuk interaksi secara



dalam talian (Google Meet, Google Classroom, Webex, Zoom, WhatApps, Telegram, kompilasi fail, atau lain-lain yang sesuai) berdasarkan keseluruhan bilangan minggu LM (**8 minggu**) yang Guru Pelatih terkesan akibat PKP / PKPB / PKPD (rujuk para. **2.1**) berserta Laporan Perancangan Guru Pelatih dalam Aktiviti Kokurikulum (rujuk para. **2.2.4**).

Walau bagaimanapun, jika Guru Pelatih mendapat kebenaran untuk memulakan LM selepas tamat PKP / PKPB / PKPD secara fizikal atau PdPR, maka Guru Pelatih perlu menjalani LM tersebut sehingga **22/23 April 2021** sahaja. Dalam situasi sebegini, Guru Pelatih perlu juga menyediakan RPH dan video PdP / PdPR untuk pentaksiran alternatif LM berdasarkan bilangan minggu LM yang Guru Pelatih terkesan akibat PKP / PKPB / PKPD (rujuk para. **2.1**) berserta Laporan Perancangan Guru Pelatih dalam Aktiviti Kokurikulum (rujuk para. **2.2.4**).

Pada situasi di mana Guru Pelatih tidak dibenarkan menyambung LM akibat PKP / PKPB / PKPD dan sebahagiannya telah menjalankan sebahagian LM secara fizikal atau PdPR, maka markah purata bagi pentaksiran secara asal dan secara alternatif perlu diambil kira untuk mendapatkan markah purata (rujuk para. **2.2**).

## **5. Tamat LM**

Pelajar perlu turut mendapatkan **Borang Pengesahan Tamat Latihan Mengajar (Lampiran B)** yang telah dilengkapi oleh pihak sekolah / institusi pendidikan setelah melengkapkan atau tamat menjalankan LM serta mengemukakannya kepada Pensyarah Penyelia.

## Lampiran A

### Rubrik Pentaksiran bagi Pengkaedahan Alternatif LM

#### Bahagian A: Persediaan

##### 1. Objektif

| Sangat Lemah (1)                                                                                                                    | Lemah (2)                                                                                                                 | Sederhana (3)                                                                                                | Baik (4)                                                                                                                      | Sangat Baik (5)                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Objektif pembelajaran tidak eksplisit, tidak sesuai dengan peringkat kebolehan murid dan tidak memenuhi kehendak sukatan pelajaran. | Objektif pembelajaran tidak eksplisit dan tidak sesuai dengan kebolehan murid tetapi memenuhi kehendak sukatan pelajaran. | Objektif pembelajaran eksplisit tetapi tidak sesuai dengan kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran. | Objektif pembelajaran eksplisit, tepat, jelas tetapi kurang sesuai mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran. | Objektif pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan spesifik mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran. |

##### 2. Perancangan

###### 2.1 Isi Kandungan

| Sangat Lemah (1)                                                                                                                                                                                                                                     | Lemah (2)                                                                                                                                                                                                                               | Sederhana (3)                                                                                                                                                                                                                            | Baik (4)                                                                                                                                                                                                                               | Sangat Baik (5)                                                                                                                                                                                                                              |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Isi kandungan tidak sesuai dengan objektif dan sukatan pelajaran.<br><br>Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan bagi mencapai objektif pelajaran.<br><br>Topik yang diajar sangat tidak sesuai dengan tempoh pengajaran dan pembelajaran. | Isi kandungan sesuai dengan objektif dan sukatan pelajaran.<br><br>Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan bagi mencapai objektif pelajaran.<br><br>Topik yang diajar tidak sesuai dengan tempoh pengajaran dan pembelajaran. | Isi kandungan sesuai dengan objektif dan sukatan pelajaran.<br><br>Pemeringkatan isi pelajaran kurang jelas mengikut urutan bagi mencapai objektif pelajaran.<br><br>Topik yang diajar sesuai dengan tempoh pengajaran dan pembelajaran. | Isi kandungan sesuai dengan objektif dan sukatan pelajaran.<br><br>Pemeringkatan isi pelajaran jelas mengikut urutan bagi mencapai objektif pelajaran.<br><br>Topik yang diajar menepati keperluan tempoh pengajaran dan pembelajaran. | Isi kandungan amat sesuai dengan objektif dan sukatan pelajaran.<br>Pemeringkatan isi pelajaran amat jelas mengikut urutan bagi mencapai objektif pelajaran.<br><br>Topik yang diajar amat sesuai dengan tempoh pengajaran dan pembelajaran. |

###### 2.2 Strategi

| Sangat Lemah (1)                                                                                                                                                     | Lemah (2)                                                                                                                                                                              | Sederhana (3)                                                                                                                                                                       | Baik (4)                                                                                                                                                                  | Sangat Baik (5)                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penulisan strategi dan aktiviti tidak mengambil kira objektif yang hendak dicapai, isi pelajaran, kebolehan murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi. | Penulisan strategi dan aktiviti tidak sesuai dan kurang mengambil kira objektif yang hendak dicapai, isi pelajaran, kebolehan murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi. | Penulisan Strategi dan aktiviti sesuai tetapi kurang mengambil kira objektif yang hendak dicapai, isi pelajaran, kebolehan murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi. | Penulisan Strategi dan aktiviti sesuai dan mengambil kira objektif yang hendak dicapai, isi pelajaran, kebolehan murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi. | Penulisan Strategi dan aktiviti amat sesuai, inovatif, bertepatan dan mengambil kira semua aspek pengajaran pembelajaran. |

### 2.3 Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK)/ Kemahiran Berbahasa (KB)/ Nilai / Kemahiran Proses Sains

| Sangat Lemah (1)                                                       | Lemah (2)                                                                                         | Sederhana (3)                                                                                                                     | Baik (4)                                                                                                                   | Sangat Baik (5)                                                                                                                 |
|------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| KBKK / KB / Nilai / Kemahiran Proses Sains pemilihan tidak dinyatakan. | KBKK / KB / Nilai / Kemahiran Proses Sains pemilihan tidak sesuai dengan isi kandungan pelajaran. | Pemilihan KBKK / KB / Nilai / Kemahiran Proses Sains yang kurang sesuai untuk diterapkan melalui pelajaran yang akan disampaikan. | Pemilihan KBKK / KB / Nilai / Kemahiran Proses Sains yang sesuai untuk diterapkan melalui pelajaran yang akan disampaikan. | Pemilihan KBKK / KB / Nilai / Kemahiran Proses Sains yang amat sesuai untuk diterapkan melalui pelajaran yang akan disampaikan. |

### 3. Pentaksiran

| Sangat Lemah (1)                                              | Lemah (2)                                                      | Sederhana (3)                                                   | Baik (4)                                                                      | Sangat Baik (5)                                                                      |
|---------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Pemilihan pentaksiran tidak sesuai dengan hasil pembelajaran. | Pemilihan pentaksiran kurang sesuai dengan hasil pembelajaran. | Pemilihan pentaksiran separuh sesuai dengan hasil pembelajaran. | Pemilihan pentaksiran sesuai dengan hasil pembelajaran yang mengandungi KBAT. | Pemilihan pentaksiran sangat sesuai dengan hasil pembelajaran yang mengandungi KBAT. |

## Bahagian B: Perkembangan

### 1. Permulaan Pengajaran

| Sangat Lemah (1)                                                                                      | Lemah (2)                                                                                               | Sederhana (3)                                                                                                           | Baik (4)                                                                             | Sangat Baik (5)                                                                                                                 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tidak berjaya mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.<br><br>Tidak berjaya menarik perhatian murid. | Kurang berjaya mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.<br><br>Kurang berjaya menarik perhatian murid. | Hampir separuh berjaya mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.<br><br>Hanya berjaya menarik tumpuan segelintir murid. | Berjaya mewujudkan kesediaan murid.<br><br>Berjaya menarik tumpuan sebahagian murid. | Sangat berjaya mewujudkan kesediaan murid.<br><br>Berjaya menarik tumpuan semua murid dengan cara yang sesuai dan menyeronokkan |

### 2. Perkembangan Pengajaran

| Sangat Lemah (1)                                                                                                                                                                     | Lemah (2)                                                                                                                                                                           | Sederhana (3)                                                                                                                                                                          | Baik (4)                                                                                                                                                                              | Sangat Baik (5)                                                                                                                                                                                                                                    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tidak berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dengan teratur.<br><br>Pengurusan masa yang tidak baik.<br><br>Tidak ada kesinambungan dalam proses pengajaran. | Kurang berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dengan teratur.<br><br>Pengurusan masa yang kurang baik.<br><br>Kurang kesinambungan dalam proses pengajaran. | Hampir separuh berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dengan teratur.<br><br>Pengurusan masa yang agak baik.<br><br>Ada kesinambungan dalam proses pengajaran. | Berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dengan teratur dan terkawal.<br><br>Pengurusan masa yang baik.<br><br>Kesinambungan yang baik dalam proses pengajaran. | Sangat berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dengan teratur dan terkawal.<br><br>Pengurusan masa yang sangat baik dan sesuai dengan keperluan setiap langkah pengajaran.<br><br>Kesinambungan yang jelas dan sangat baik. |

### 3. Pelaksanaan

#### 3.1 Strategi

| Sangat Lemah (1)                                                                           | Lemah (2)                                                                                   | Sederhana (3)                                                                                | Baik (4)                                                                                      | Sangat Baik (5)                                                                                      |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tidak berjaya melaksanakan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran. | Kurang berjaya melaksanakan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran. | Separuh berjaya melaksanakan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran. | Berjaya melaksanakan strategi pengajaran yang inovatif bersesuaian dengan hasil pembelajaran. | Sangat berjaya melaksanakan strategi pengajaran yang inovatif bersesuaian dengan hasil pembelajaran. |

### 3.2 Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains

| Sangat Lemah (1)                                                          | Lemah (2)                                                                                       | Sederhana (3)                                                                                                                         | Baik (4)                                                                                                        | Sangat Baik (5)                                                                                                            |
|---------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains tidak ketara langsung. | Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains tidak sesuai dengan isi kandungan pelajaran. | Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains yang kurang sesuai untuk diterapkan melalui aktiviti pengajaran yang dilaksanakan. | Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains yang sesuai diterapkan melalui pengajaran yang dilaksanakan. | Penggunaan KBKK/ KB/ Nilai/ Kemahiran Proses Sains yang amat sesuai untuk diterapkan melalui pengajaran yang dilaksanakan. |

### 4. Pengurusan Bilik Darjah (Dalam Talian)

| Sangat Lemah (1)                                                                                                                                                                                         | Lemah (2)                                                                                                                                                                                                                                                  | Sederhana (3)                                                                                                                                                                                                                                       | Baik (4)                                                                                                                                                                                                | Sangat Baik (5)                                                                                                                                                                                                                                  |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Menghadapi masalah mengurus kelas dalam talian.</p> <p>Tidak peka terhadap Aktiviti murid.</p> <p>Aktiviti kelas tidak terkawal.</p>                                                                  | <p>Dapat mewujudkan suasana kelas dalam talian yang sesuai tetapi tidak menyeluruh.</p> <p>Kurang peka terhadap Aktiviti murid.</p> <p>Aktiviti kelas kurang terkawal.</p>                                                                                 | <p>Dapat mewujudkan suasana kelas dalam talian yang sesuai untuk pembelajaran.</p> <p>Peka terhadap Aktiviti murid.</p> <p>Ada usaha mengawal Aktiviti namun masih ada tanda-tanda keraguan dari segi kemampuannya</p>                              | <p>Berjaya mewujudkan persekitaran kelas dalam talian yang menggalakkan pembelajaran di kalangan sebahagian besar murid.</p> <p>Aktiviti kelas terkawal.</p> <p>Dapat menguruskan masa dengan baik.</p> | <p>Berjaya mewujudkan suasana pembelajaran kelas dalam talian yang kondusif.</p> <p>Aktiviti kelas terkawal dengan amat baik</p> <p>Boleh menguruskan masa dengan baik.</p>                                                                      |
